

PM tidak pernah arah henti siasat Abul Hassan

UM 14 JUL 2000

KUALA LUMPUR 13 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah pada bila-bila masa pun mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menghentikan atau menutup siasatan terhadap bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Abul Hassan Sulaiman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas yang menjelaskan kedudukan itu berkata, malahan siasatan BPR terhadap Abul Hassan diteruskan setelah Datuk Ahmad Zaki Husin mengambil alih jawatan ketua pengarah badan itu.

“Tanpa prejudis ditegaskan bahawa Perdana Menteri tidak pernah pada bila-bila masa mengarahkan siasatan BPR dihentikan atau ditutup,” katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam jawapan balas kepada isu keterangan bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahaya yang dibangkitkan oleh Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) semasa menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat Dewan Rakyat hari ini.

“Ini menunjukkan kes tersebut tidak pernah ditutup sebelum ini. Maka tuduhan Yang Berhormat bahawa ada penyalahgunaan kuasa dan usaha melindungi rasuah serta menghalang perjalanan proses keadilan adalah tidak bertanggungjawab dan melulu,” tegas Douglas.

Namun begitu, katanya, beberapa pihak tertentu telah membuat aduan polis mengenai keterangan Shafee di mahkamah itu dan polis masih menyiasatnya, dan sebarang perbincangan berhubung hal itu akan menjadi subjudid.

Douglas juga berkata kebebasan BPR menyiasat telah terbukti sebelum ini dengan siasatannya terhadap kepimpinan tertinggi kerajaan sama ada di peringkat Pusat atau negeri.

“Bahkan ada antara mereka telah dituduh

■ Lihat muka 4

PM tidak pernah arah henti siasat Abul Hassan

UM 14 JUL 2000

di mahkamah dan dijatuhkan hukuman,” jelasnya sambil menambah kebebasan BPR dalam menjalankan tugasnya tidak pernah terjejas akibat teguran, kritikan dan nasihat mana-mana pihak termasuk Perdana Menteri sendiri.

Douglas berkata, Perdana Menteri juga mengingatkan BPR agar lebih berhati-hati dan bertindak secara profesional kerana penyiasatan BPR adalah sensitif dan terdapat keadaan isu-isu rasuah boleh dipolitikkan oleh sesetengah pihak yang mempunyai agenda tertentu.

Semalam, Dewan Rakyat telah menolak usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil

Noor supaya mesyuarat ditangguhkan untuk memberi laluan kepada Dewan membincangkan kenyataan Shafee itu.

Semasa menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat hari ini, Abdul Rahman antara lain mahukan penjelasan mengenai kebebasan BPR bertindak jika kes siasatan bekas Ketua Penyarah EPU itu diarah ditutup oleh pihak tertentu seperti Perdana Menteri.

Douglas seterusnya berkata, BPR selaku agensi penguatkuasaan yang adil dan bertanggungjawab, tidak akan mengambil sesuatu tindakan secara terburu-buru dalam pelaksanaan tugas yang diamanahkan.

“Sesuatu siasatan mesti dijalankan secara teliti, menyeluruh, profesional dan objektif bagi mengumpul segala bukti dan keterangan yang berkaitan dengan perilaku jenayah rasuah,” katanya.

Namun, katanya, bagi kes-kes tertentu dan berkepentingan awam, pendedahan akan dibuat setakat yang dibenarkan oleh undang-undang manakala hasil siasatan akan dirujuk kepada pendakwa raya bagi menentukan sama ada sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan sama ada pendakwa perlu diteruskan ataupun tidak.